

Bil. S 1 — PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**(Perintah di bawah Bab 83(3))****Perintah Darurat (Pasukan Polis Diraja Brunei), 1984**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Perintah yang berikut :—

BAHAGIAN I**PERMULAAN**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Pasukan Polis Diraja Brunei), 1984. Gelaran pendek.
2. Di dalam Perintah ini, kecuali jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain — Tafsiran.
 - “pegawai polis tambahan” bermakna seseorang yang diambil berkhidmat di bawah bab 18 dan tidak didaftarkan dalam perjawatan tetap ;
 - “peluru” bermakna peluru bagi sebarang senjata, dan termasuk bom-bom tangan, bom-bom dan lain peluru lontar, sama ada atau tidak boleh digunakan dengan senjata-senjata, dan sebarang peluru yang mengandungi, atau direkabentuk atau disesuaikan untuk mengandungi, sebarang benda cair yang membahayakan, gas atau benda lain ;
 - “senjata” termasuk senjata api ;
 - “Suruhanjaya” bermakna Suruhanjaya Pasukan Polis Diraja Brunei yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV ;
 - “mata-mata” bermakna seseorang pegawai polis yang rendah dari pangkat kopral ;
 - “Pasukan” bermakna Pasukan Polis Diraja Brunei yang ditubuhkan di bawah Perintah ini ;
 - “merinyu” bermakna seseorang merinyu polis apa pun jua grednya ;
 - “daerah polis” bermakna mana-mana kawasan yang dijadikan sesebuah daerah polis oleh Peraturan-peraturan Polis, dan melainkan dan sehingga daerah-daerah dijadikan demikian bermakna sesebuah daerah pentadbiran biasa ;
 - “Peraturan-peraturan Polis” bermakna peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 64 ;

“Pegawai polis” bermakna mana-mana anggota dari Pasukan tersebut dan termasuk seseorang pegawai polis tambahan ;

“Undang-undang yang dimansuhkan” bermakna Undang-undang Pasukan Polis ;

“Pegawai polis kanan” bermakna seseorang pegawai polis apa jua pangkatnya daripada dan termasuk Pesuruhjaya ke bawah sehingga dan termasuk seseorang penolong penguasa percubaan ;

“pegawai polis pangkat rendah” bermakna seseorang pegawai polis apa jua pangkatnya daripada dan termasuk seseorang sarjan mejar ke bawah sehingga dan termasuk seseorang mata-mata.

Pengawasan
Pasukan
tersebut.

3. (1) Tertakluk kepada perintah-perintah dan pengawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Pesuruhjaya hendaklah memerintah dan dipertanggungjawabkan dengan arahan dan pentadbiran Pasukan tersebut.

(2) Pesuruhjaya boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikenakan oleh apa jua undang-undang bertulis ke atas mana-mana pegawai polis yang berpangkat lebih rendah lagi.

(3) Sebarang perbuatan atau perkara yang mungkin dilakukan, diperintahkan atau dilaksanakan oleh Pesuruhjaya di bawah apa jua undang-undang bertulis boleh, tertakluk kepada perintah-perintah dan arahan-arahan Pesuruhjaya, dilakukan, diperintahkan atau dilaksanakan oleh seorang timbalan pesuruhjaya polis, seorang penolong pesuruhjaya polis kanan, atau seorang penolong pesuruhjaya polis.

(4) Dengan ketiadaan atau ketidakupayaan Pesuruhjaya, maka seorang timbalan pesuruhjaya polis atau mana-mana pegawai polis kanan yang diberi kuasa bagi tujuan itu oleh Pesuruhjaya, boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikenakan oleh apa jua undang-undang bertulis ke atas Pesuruhjaya.

(5) Anggota-anggota Pasukan tersebut hendaklah berhubung dengan sebarang pembentukan, daerah polis atau kawasannya atau sebarang tempat, dikawal oleh pegawai polis yang Pesuruhjaya boleh menentukan sama ada dengan nama atau jawatan.

(6) Semua kuasa yang diberikan dan kewajipan yang dikenakan oleh apa jua undang-undang bertulis kepada mana-mana pegawai polis hendaklah dijalankan atau dilaksanakan menurut Peraturan-peraturan Polis dan apa jua perintah yang dibuat di bawah Perintah ini.

4. Semua pegawai polis adalah bertanggungjawab untuk berkhidmat di mana-mana bahagian Brunei atau dalam perkhidmatan Kerajaan di dalam mana-mana kapal atau kapal terbang, atau untuk pergi ke mana-mana tempat di luar Brunei sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud-maksud bab 38(q).

Tanggungjawab untuk berkhidmat di dalam dan di luar Brunei.

5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, semasa peperangan atau darurat lain, mempergunakan Pasukan tersebut atau mana-mana bahagiannya untuk berkhidmat bersama-sama dengan pasukan-pasukan bersenjata Negara ini atau dengan cara lain bagi pertahanan Brunei :

Penggunaan Pasukan semasa darurat.

Dengan syarat bahawa mana-mana bahagian dari Pasukan tersebut yang dipergunakan demikian hendaklah terus menerus di bawah perintah Pesuruhjaya atau pegawai polis lain yang mungkin telah dilantik bagi maksud itu.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN PENTADBIRAN PASUKAN TERSEBUT

6. (1) Maka hendaklah ditubuhkan sebuah pasukan polis yang akan dikenali sebagai Pasukan Polis Diraja Brunei, yang terdiri dari beberapa jumlah pegawai-pegawai polis kanan, merinyu-merinyu dan pegawai-pegawai polis pangkat rendah, lelaki dan perempuan, sebagaimana yang dari semasa ke semasa diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Penubuhan Pasukan tersebut.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik pegawai-pegawai polis kanan kehormat sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia mungkin memikirkan patut.

7. Pasukan tersebut hendaklah, kecuali sebagaimana yang dipersyaratkan dalam bab-bab 4 dan 5, dipergunakan di dalam dan di seluruh Brunei bagi pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman, pengekalan keamanan awam, pencegahan dan pengesanan jenayah, penangkapan dan pendakwaan pesalah-pesalah dan pungutan risikan keselamatan.

Tugas-tugas Pasukan tersebut.

8. Tertakluk kepada bab-bab 43 dan 44 seseorang pegawai polis kanan akan dilantik, ditukar kerja, dinaikkan pangkat, dibuang kerja, ditahan kerja, digantung kerja dan boleh dikenakan kawalan tatatertib oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Perlantikan dsb. pegawai-pegawai polis kanan.

9. (1) Tertakluk kepada bab-bab 43 dan 44 seseorang merinyu akan dilantik, ditukar kerja atau dinaikkan pangkat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Perlantikan, dsb. pegawai-pegawai polis pangkat rendah.

(2) Seseorang pegawai polis pangkat rendah boleh dilantik, dinaikkan pangkat, atau ditingkatkan dalam grednya oleh Pesuruhjaya.

- | | |
|--|---|
| <p>Penahanan kerja dan penggantungan kerja merinyu dan pegawai-pegawai polis pangkat rendah.</p> | <p>10. Seseorang merinyu atau pegawai polis pangkat rendah boleh, sementara menunggukan keputusan sesuatu penyelidikan atau tindakan undang-undang atau tatatertib, ditahan dan digantung dari melaksanakan tugasnya oleh Pesuruhjaya.</p> |
| <p>Kad waran.</p> | <p>11. Sesuatu kad waran yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya hendaklah diberikan kepada tiap-tiap pegawai polis dan adalah menjadi bukti keterangan mengenai perlantikannya di bawah Perintah ini.</p> |
| <p>Pengecualian mengenai pendakwaan sivil.</p> | <p>12. (1) Tertakluk kepada cerai (2) —</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) gaji dan elaun-elaun seseorang pegawai polis pangkat rendah tidak boleh diserahkan atau dipindah hak atau ditahan, dipisahkan atau diambil kerana, atau berkenaan dengan, sebarang hutang atau tuntutan apa pun jua ; (b) tiada seorang pun pegawai polis pangkat rendah boleh dikenakan hukum penjara di bawah sesuatu perintah mana-mana mahkamah oleh kerana tidak membayar sebarang hutang yang ia mungkin melakukan atau terhadap mana ia mungkin bertanggungjawab. <p>(2) Cerai (1) tidak dikenakan terhadap —</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) sesuatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan ; (b) sesuatu denda yang dikenakan di bawah apa jua undang-undang bertulis ; (c) sesuatu perintah bagi pembayaran mahar, nafkah atau sara-hidup yang dibuat di bawah apa jua undang-undang bertulis. <p>(3) Gaji dan elaun seseorang pegawai polis pangkat rendah tidak boleh diserahkan kepada Pegawai Penerima Rasmi (Official Receiver) atau pemegang amanah dalam perkara kebangkrutan atas kebangkrutan pegawai itu dan juga tidak merupakan sebahagian dari hartanya bagi maksud apa jua undang-undang bertulis berhubung dengan kebangkrutan.</p> |
| <p>Pegawai Polis akan dianggap bertugas.</p> | <p>13. Tiap-tiap pegawai polis hendaklah bagi maksud-maksud Perintah ini dianggap sebagai sentiasa bertugas manakala dikehendaki berbuat demikian dan hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan dan menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Perintah ini atau apa jua undang-undang bertulis yang lain di mana-mana dan tiap-tiap tempat di mana ia mungkin menjalankan tugas.</p> |
| <p>Pembawaan senjata dan peluru.</p> | <p>14. Seseorang pegawai polis boleh dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan membawa senjata dan peluru.</p> |

15. (1) Seseorang merinyu dan seseorang pegawai polis pangkat rendah hendaklah diambil untuk berkhidmat di dalam Pasukan tersebut selama tempoh-tempoh dan atas syarat-syarat yang mungkin ditentukan oleh Peraturan-peraturan Polis.

Pengambilan merinyu dan pegawai-pegawai polis pangkat rendah.

(2) Tiap-tiap pengambilan sedemikian hendaklah dilakukan secara bertulis yang ditandatangani oleh orang yang diambil berkhidmat, dan hendaklah ditandatangani oleh Pesuruhjaya atau pegawai polis kanan yang lain yang mungkin diberikuasa bagi maksud itu oleh Peraturan-peraturan Polis.

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa yang terkandung di dalam apa jua undang-undang bertulis yang lain, sesiapa jua yang tidak kurang dari umur delapan belas tahun adalah dianggap layak untuk berkhidmat di bawah Perintah ini.

16. (1) Tiap-tiap pegawai polis pangkat rendah yang telah menyempurnakan tempoh perkhidmatan selama mana ia telah diambil berkhidmat boleh menawarkan dirinya untuk pengambilan semula selama sesuatu tempoh selanjutnya, dan, jika dibenarkan oleh Pesuruhjaya, boleh diambil semula atas syarat-syarat dan penentuan-penentuan yang mungkin ditentukan oleh Peraturan-peraturan Polis.

Pengambilan-pengambilan semula.

(2) Tiap-tiap pengambilan semula sedemikian hendaklah dibuktikan dengan suatu catatan dalam pengambilan asal yang ditandatangani oleh orang yang diambil semula dan oleh Pesuruhjaya atau pegawai polis kanan yang lain yang mungkin diberi kuasa bagi maksud itu oleh Peraturan-peraturan Polis.

17. (1) Tiap-tiap pegawai polis pangkat rendah yang meneruskan perkhidmatan dalam Pasukan tersebut setelah tamat tempoh perkhidmatannya yang ia telah diambil pada asalnya adalah, melainkan ia diambil berkhidmat semula selama sesuatu tempoh selanjutnya menurut bab 16, dianggap sebagai diambil berkhidmat dari sebulan ke sebulan ; tiap-tiap pengambilan sedemikian selepas perkhidmatan bulan pertama dianggap bermula pada hari pertama dan boleh ditamatkan pada hari terakhir pada tiap-tiap bulan yang berturutan.

Penerusan perkhidmatan.

(2) Tiada sebarang pegawai sedemikian boleh meletakkan jawatan dari Pasukan tersebut melainkan ia telah memberi tidak kurang dari sebulan notis bertulis kepada Pesuruhjaya.

(3) Notis bertulis itu hendaklah diberikan pada atau sebelum hari pertama pada bulan yang di penghujung bulan mana pegawai itu bertujuan hendak meletakkan jawatan.

18. (1) Pesuruhjaya boleh tanpa pengambilan bertulis melantik orang-orang untuk berkhidmat sebagai pegawai-pegawai polis tambahan yang berpangkat atau lebih rendah dari pangkat serjan mejar.

Pegawai-pegawai polis tambahan.

(2) Seseorang pegawai polis tambahan adalah dianggap sebagai diambil berkhidmat dari sebulan ke sebulan, tiap-tiap pengambilan sedemikian dianggap bermula pada hari pertama dan boleh ditamatkan pada hari terakhir pada tiap-tiap bulan yang berturutan.

(3) Seseorang pegawai polis tambahan boleh diberhentikan pada bila-bila masa selepas sebulan notis bertulis oleh Pesuruhjaya.

(4) Tiada sebarang pegawai polis tambahan boleh meletakkan jawatan dari Pasukan tersebut melainkan ia telah memberi tidak kurang dari sebulan notis bertulis kepada Pesuruhjaya ; dan notis sedemikian hendaklah diberi pada atau sebelum hari pertama pada bulan yang di penghujung bulan mana pegawai itu bertujuan hendak meletakkan jawatan.

(5) Seseorang pegawai polis tambahan adalah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa dan keistimewaan, dan adalah terakluk kepada kekuasaan dan tatatertib (termasuk kemungkinan kena buang kerja) sebagai seorang anggota Pasukan tersebut yang sama pangkatnya, dan hendaklah menurut segala arahan yang sah berhubung dengan pelaksanaan kewajipan-kewajibannya yang ia mungkin menerima dari semasa ke semasa daripada pegawai-pegawai atasan-nya.

Pemberhentian
merinyu-
merinyu dan
pegawai-
pegawai polis
pangkat
rendah.

19. (1) Pesuruhjaya boleh, pada bila-bila masa, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, memberhentikan seseorang merinyu dalam percubaan atau merinyu kadet dengan memberikannya tiga bulan notis bertulis atau dengan membayarnya sebulan gaji sebagai ganti notis ; dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh, pada bila-bila masa memberhentikan mana-mana merinyu lain dengan sesuatu notis yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia memikirkan patut jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia berpuas hati bahawa pemberhentian itu dikehendaki bagi kepentingan awam supaya dilakukan.

(2) Pesuruhjaya boleh memberhentikan mana-mana pegawai polis pangkat rendah yang belum menyempurnakan perkhidmatan selama sepuluh tahun dengan memberikannya sebulan notis bertulis.

(3) Bilamana saja difikirkan oleh Pesuruhjaya bahawa mana-mana pegawai polis pangkat rendah yang telah menyempurnakan perkhidmatan selama sepuluh tahun tidak berupaya melaksanakan kewajipan-kewajipan jawatannya dengan cekap Pesuruhjaya boleh memberhentikan pegawai sedemikian dari Pasukan tersebut dengan memberikannya sebulan notis bertulis.

(4) Tiada sebarang apa pun di dalam bab ini boleh dianggap akan menjejaskan atau menyentuh apa jua kuasa pembuangan kerja dari Pasukan tersebut yang diberikan oleh Perintah ini atau oleh apa jua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini.

20. (1) Jika syarat-syarat pengambilan seseorang merinyu membenarkan ia boleh menuntut pemberhentiannya menurut syarat-syarat sedemikian.

Perletakan jawatan semasa tempoh perkhidmatan.

(2) Seseorang pegawai polis pangkat rendah adalah berhak menuntut pemberhentiannya pada bila-bila masa semasa pengambilannya yang pertama atau sebarang pengambilan berikutnya dengan memberi sebulan notis bertulis kepada Pesuruhjaya tentang tujuannya untuk meletakkan jawatan dari Pasukan tersebut, dan atas bayaran sejumlah wang yang bersamaan dengan setengah bulan gaji bagi pangkat yang disandangnya pada ketika notis sedemikian bagi tiap-tiap tahun yang belum tamat dari tempoh perkhidmatannya mengikut kadar perimbangan bagi sebahagian dari satu tahun.

Dengan syarat bahawa —

- (a) jika notis sedemikian diberikan semasa sebarang perkhidmatan selepas itu maka pembayarannya ialah sejumlah wang yang dihitung seperti yang disebutkan tadi tetapi dengan pembayaran sebulan gaji dan bukan setengah bulan gaji ; dan
- (b) seseorang pegawai polis pangkat rendah yang telah mencapai umur empat puluh lima tahun tidaklah dikehendaki membuat sebarang bayaran di bawah bab ini.

21. Sebelum memulakan tugas-tugas jawatannya tiap-tiap pegawai polis hendaklah membuat di hadapan Pesuruhjaya atau seseorang pegawai polis kanan berpangkat atau lebih tinggi dari pangkat penguasa ikrar yang ditetapkan dalam Jadual.

Ikrar sebelum menyandang jawatan.

22. Sebelum memulakan tugas-tugas jawatannya tiap-tiap pegawai polis hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan dan membenarkan supaya diambil cap-cap jarinya.

Pemeriksaan perubatan dan cap-cap jari.

23. (1) Tiap-tiap pegawai polis yang dengan perletakan jawatan, pembuangan kerja, pemberhentian atau dengan cara lain meninggalkan Pasukan tersebut hendaklah, sebelum meninggalkan, menyerahkan dalam keadaan baik (kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan yang biasa terkecuali) sebarang senjata, peluru, peralatan, pakaian seragam atau barang lain yang telah dibekalkan kepadanya dan apa jua harta-benda lain kepunyaan Kerajaan yang mungkin ada pada miliknya.

Penyerahan harta-benda Kerajaan bilamana meninggalkan Pasukan tersebut.

(2) Sesiapa jua yang mengabaikan untuk menyerahkan barang atau harta-benda sedemikian adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak lima ratus ringgit dan penjara selama tiga bulan, dan selain dari itu boleh dikenakan pembayaran nilai harga barang atau hartabenda yang telah tidak diserahkan, nilai harga mana hendaklah ditentukan terus oleh mahkamah yang sama oleh mana orang itu telah disabitkan kesalahan, di mana ianya hendaklah diperolehi kembali sebagai denda.

BAHAGIAN III
TATATERTIB DAN KEWAJIPAN-KEWAJIPAN
SYARAT-SYARAT MENGENAI TATATERTIB

Pegawai-pegawai polis hendaklah menurut perintah yang sah.

24. Tiap-tiap pegawai polis hendaklah menurut segala perintah yang sah sama ada yang diberikan secara lisan atau bertulis dan hendaklah menurut dan mematuhi dan tertakluk kepada Peraturan-peraturan Polis dan sebarang perintah yang dibuat di bawah Perintah ini.

Hukuman bagi pegawai-pegawai polis pangkat rendah.

25. (1) Di dalam bab ini dan di dalam bab-bab 26 dan 37 "Pegawai polis yang diberi kuasa" bermakna seseorang pegawai polis yang diberi kuasa oleh Pesuruhjaya atau di bawah atau dengan kuatkuasa Peraturan-peraturan Polis untuk menjalankan pembicaraan tatatertib.

(2) Jika Pesuruhjaya atau seseorang pegawai polis yang diberi kuasa mendapati seseorang pegawai polis pangkat rendah bersalah melakukan mana-mana satu dari kesalahan-kesalahan, yang berikut :—

- (a) tidak hadir bertugas dengan tidak bercuti atau mempunyai sebab yang memuaskan ;
- (b) tidur semasa bertugas ;
- (c) berkelakuan yang menyentuh kesopanan dan tatatertib ;
- (d) berkelakuan yang mengaibkan ;
- (e) engkar menurut Peraturan-peraturan Polis, atau sebarang Perintah yang dibuat di bawah Perintah ini atau sebarang perintah dari seseorang pegawai polis kanan sama ada secara bertulis atau lisan ;
- (f) tidak sihat menjalankan tugas kerana mabuk ;
- (g) penentangan atau perbuatan zalim ;
- (h) cuai menjalankan tugas atau perintah-perintah ;
- (i) berpura-pura sakit ;
- (j) mendusta atau memutar-belitkan ;
- (k) menjalankan tugas dengan melampaui batas yang mengakibatkan kerugian atau kecederaan kepada mana-mana orang lain ;
- (l) dengan sengaja membinasakan atau dengan cuai menghilangkan atau merosakkan harta-benda kepunyaan Kerajaan ;
- (m) mengambil bahagian dalam perdagangan atau pekerjaan lain dengan tiada kebenaran Pesuruhjaya ;
- (n) hilang kepercayaan ;

- (o) perbuatan rasuah,

maka Pesuruhjaya boleh memerintahkan supaya pegawai polis pangkat rendah sedemikian dibuang kerja atau dikehendaki bersara dari Pasukan tersebut atau boleh menghukumnya dengan mana-mana dari hukuman-hukuman yang berikut :—

- (i) turun pangkat, gred, keutamaan atau gaji ;
- (ii) penangguhan atau pemberhentian kenaikan gaji ;
- (iii) teguran ;
- (iv) amaran,

dan sebagai ganti atau tambahan kepada mana-mana dari hukuman-hukuman yang disebutkan tadi, boleh mengenakan sesuatu denda yang tidak melebihi seratus ringgit atau perlucutan tidak lebih dari sebulan gaji, kecuali dalam perkara tidak hadir bertugas dengan tidak bercuti atau mempunyai sebab yang memuaskan tatkala mana, selain dari sebarang hukuman lain, perlucutan gaji boleh dikenakan berhubung dengan tempoh tidak hadir bertugas atau tempoh yang lebih singkat yang kepada pegawai memerintah mungkin dianggap patut.

(3) Jika seseorang pegawai polis pangkat rendah yang didapati bersalah melakukan sesuatu kesalahan yang dinyatakan dalam cerai (2) adalah seorang mata-mata maka Pesuruhjaya boleh, sebagai ganti atau selain dari menghukumnya dengan sebarang hukuman yang dibenarkan di bawah cerai (2), menghukumnya dengan tidak melebihi dari dua hukuman dari hukuman-hukuman yang berikut :—

- (a) pengurangan dalam berek selama tidak lebih dari empat belas hari ;
- (b) tugas-tugas atau kawad-kawad tambahan ;
- (c) tugas-tugas kerana menjalankan hukuman (fatigue duties) yang mungkin ditentukan oleh Perintah-perintah Am Polis ;
- (d) perlucutan sementara hak-hak keistimewaan tertentu ;

(4) Jika mana-mana pegawai polis yang diberi kuasa mendapati mana-mana pegawai polis pangkat rendah bersalah melakukan mana-mana dari kesalahan-kesalahan yang dinyatakan dalam cerai (2) maka ia boleh menghukumnya dengan mana-mana satu dari hukuman-hukuman yang Pesuruhjaya boleh mengenakan selain dari hukuman turun pangkat atau buang kerja atau bersara dari Pasukan tersebut.

(5) Seseorang pegawai polis pangkat rendah boleh merayu terhadap sebarang keputusan seseorang pegawai polis yang diberi kuasa atau sebarang hukuman yang dikenakan oleh seseorang

pegawai polis yang diberi kuasa di bawah bab ini kepada Pesuruhjaya dalam masa tiga puluh hari (atau sesuatu masa yang lebih lama lagi, jika ada, yang Pesuruhjaya mungkin memikirkan patut diberikan) dari mulanya pegawai polis pangkat rendah itu dimaklumkan mengenai keputusan atau hukuman sedemikian ; dan, kecuali setakat yang dipersyaratkan dalam cerai (6), keputusan Pesuruhjaya terhadap rayuan sedemikian adalah muktamad dan tidaklah tertakluk kepada rayuan kepada atau kajian semula di dalam mana-mana mahkamah.

(6) Jika seseorang pegawai polis pangkat rendah telah didapati bersalah melakukan sesuatu kesalahan yang dinyatakan dalam cerai (2) oleh Pesuruhjaya (sama ada atas penolakan sesuatu rayuan di bawah cerai (5) daripada keputusan seseorang pegawai polis yang diberi kuasa atau atas sesuatu keputusan asal Pesuruhjaya) dan diperintahkan oleh Pesuruhjaya supaya diturunkan pangkat atau di buang kerja atau dikehendaki bersara dari Pasukan tersebut, maka pegawai polis pangkat rendah sedemikian boleh merayu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan terhadap keputusan atau perintah sedemikian dalam masa tiga puluh hari (atau sesuatu masa yang lebih lama lagi, jika ada, yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia mungkin memikirkan patut diberikan) dari mulanya pegawai polis pangkat rendah itu dimaklumkan mengenai keputusan atau perintah sedemikian ; dan keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu terhadap rayuan sedemikian adalah muktamad dan tidaklah tertakluk kepada rayuan kepada atau kajian semula di dalam mana-mana mahkamah.

(7) Dalam tiap-tiap perkara di mana sesuatu rayuan telah dibuat di bawah cerai (5) atau (6) sebarang hukuman yang diperintahkan hendaklah digantung sementara menunggu keputusan rayuan itu.

Hukuman bagi merinyu-merinyu.

26. (1) Jika seseorang merinyu didapati bersalah oleh Pesuruhjaya atau seseorang pegawai polis yang diberi kuasa melakukan mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam bab 25(2), maka Pesuruhjaya boleh memerintahkan supaya merinyu sedemikian di buang kerja atau dikehendaki bersara dari Pasukan tersebut atau boleh menghukumnya dengan mana-mana dari hukuman-hukuman yang berikut :—

- (a) turun pangkat, keutamaan atau gaji ;
- (b) penangguhan atau pemberhentian kenaikan gaji ;
- (c) teguran ;
- (d) amaran,

dan sebagai ganti atau tambahan kepada mana-mana dari hukuman-hukuman itu boleh mengenakan sesuatu denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit dan dalam perkara tidak hadir bertugas dengan tidak bercuti atau mempunyai sebab yang memuaskan boleh memerintahkan perlucutan gaji bagi tempoh tidak hadir bertugas atau tempoh yang lebih singkat yang Pesuruhjaya fikirkan patut.

(2) Seseorang merinyu yang tidak puas hati dengan keputusan Pesuruhjaya mengenai pembuangan kerja, persaraan atau penurunan pangkatnya boleh merayu terhadap keputusan sedemikian kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam masa tiga puluh hari (atau sesuatu masa yang lebih lama lagi, jika ada, yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia mungkin memikirkan patut diberikan) dari mulanya ianya dimaklumkan mengenai keputusan sedemikian; dan keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap rayuan sedemikian adalah muktamad dan tidaklah tertakluk kepada rayuan kepada atau kajian semula di dalam mana-mana mahkamah.

(3) Dalam tiap-tiap perkara di mana sesuatu rayuan telah dibuat di bawah ceraian (2) sebarang hukuman yang diperintahkan oleh Pesuruhjaya hendaklah digantung sementara menunggu keputusan rayuan itu.

(4) Jika seseorang merinyu diperintahkan supaya dikehendaki bersara di bawah bab ini maka perkhidmatannya hendaklah, bagi maksud-maksud Undang-undang Pencen, 1957 dianggap telah ditamatkan atas alasan yang disebutkan dalam bab 7 dari Undang-undang itu.

No. 23 tahun 1957.

27. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 26 dan sebarang Peraturan-peraturan Polis yang menguasai tindakan tatatertib terhadap merinyu-merinyu, dalam mana-mana perkara jika tindakan tatatertib hendak diambil terhadap seorang merinyu berhubung dengan apa jua kesalahan yang dinyatakan dalam bab 25(2), Pesuruhjaya boleh, jika ia memikirkan patut, merujuk perkara sedemikian kepada Suruhanjaya supaya dikendalikan olehnya menurut Peraturan-peraturan Polis yang menguasai tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai polis kanan.

Pesuruhjaya boleh merujuk perkara terhadap merinyu kepada Suruhanjaya.

(2) Jika mana-mana perkara telah dirujuk kepada Suruhanjaya di bawah ceraian (1) maka Suruhanjaya boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, memerintahkan supaya merinyu dari Pasukan tersebut atau boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, menghukumnya dengan mana-mana dari hukuman-hukuman yang disebutkan dalam bab 26.

28. (1) Seseorang merinyu atau pegawai polis pangkat rendah yang dituduh melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan dalam bab 25(2) boleh, dengan tidak diselenggarakan di bawah bab 26 atau 27 berkenaan dengan seseorang merinyu, atau bab 25 berkenaan dengan seseorang pegawai polis pangkat rendah, didakwa di mahkamah dan boleh dikenakan jika disabitkan kesalahannya hukum denda sebanyak lima ratus ringgit dan penjara selama tiga bulan.

Dakwaan bagi kesalahan-kesalahan tatatertib.

(2) Tiada sebarang dakwaan di bawah bab ini boleh dimulakan tanpa persetujuan bertulis Pesuruhjaya terlebih dahulu.

- Mengancam atau mencaci pegawai lain yang lebih tinggi atau sama pangkatnya.
29. Mana-mana pegawai polis yang mengancam atau mencaci seseorang pegawai polis lain yang lebih tinggi atau sama pangkatnya tatkala pegawai lain itu sedang menjalankan tugas, atau bilamana ancaman atau cacian itu berhubung dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan tugas oleh pegawai yang diancam atau dicaci demikian, adalah bersalah ; Hukuman, denda sebanyak dua ribu ringgit dan penjara selama dua belas bulan.
- Turun pangkat atau buang kerja selepas sabit kesalahan.
30. Mana-mana pegawai polis yang telah disabitkan kesalahan di bawah bab-bab 28, 29, 55, 56 atau 57 atau telah disabitkan kesalahan di bawah apa jua undang-undang bertulis yang lain melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dikenakan hukum penjara boleh, melainkan sabit kesalahan itu dibatalkan atas rayuan, diturunkan pangkat atau dibuang kerja dari Pasukan tersebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkenaan dengan seseorang pegawai polis kanan, atau oleh Pesuruhjaya berkenaan dengan seseorang merinyu atau pegawai polis pangkat rendah ; dan jika seseorang pegawai polis dibuang kerja di bawah bab ini apa jua tunggakan gaji yang seharusnya dibayar kepadanya boleh dilucutkan dengan perintah pihak berkuasa yang membuang kerjanya.
- Turun pangkat ke mata-mata sebelum dibuang kerja.
31. Mana-mana pegawai polis pangkat rendah yang lebih tinggi dari pangkat mata-mata yang dibuang kerja dari Pasukan tersebut hendaklah diturunkan pangkat ke pangkat mata-mata sebelum dibuang kerja.
- Kehilangan atau kerosakan kepada senjata, perlengkapan, dsb. hendaklah diganti.
32. Jika mana-mana pegawai polis menggadai, menjual, menghilangkan kerana kecuai, membinasakan atau dengan sengaja atau dengan cuai merosakkan sebarang senjata, peluru, peralatan, pakaian seragam (uniform) atau barang lain yang telah dibekalkan kepadanya, atau sebarang kenderaan atau harta-benda yang diamanahkan untuk jagaannya, maka ia boleh, selain dari atau sebagai ganti apa jua hukuman lain, diperintahkan untuk mengganti, sama ada sebahagian atau keseluruhannya, nilai harga harta-benda sedemikian atau jumlah kehilangan atau kerosakan sedemikian, yang mana satu berkenaan, dan nilai harga atau jumlah itu boleh diperolehi kembali dengan cara pemotongan daripada gajinya.
- Pegawai polis tidak boleh meletakkan jawatan sementara menunggukan keputusan pembicaraan tatatertib.
33. Dengan tidak menghiraukan mana-mana syarat lain dari Perintah ini tiada sebarang pegawai polis boleh, tanpa kebenaran bertulis Pesuruhjaya, meletakkan jawatan dari Pasukan tersebut sementara menunggukan keputusan apa jua pembicaraan tatatertib yang telah dimulakan terhadapnya atau sebarang dakwaan yang telah dimulakan terhadapnya berhubung dengan sebarang kesalahan yang ia mungkin telah dituduh melakukan, atau jika ia membuat, atau memberi notis tentang tujuannya untuk mendakwa, sesuatu rayuan terhadap sebarang keputusan bersalah, hukuman, sabit kesalahan atau hukuman, sementara menunggukan rayuan sedemikian, atau sehingga selepas keputusan sebarang pembicaraan, dakwaan atau rayuan sedemikian.

34. (1) Tiada sebarang apa pun di dalam Perintah ini boleh dianggap akan mencegah dakwaan, sabitan kesalahan dan hukuman terhadap mana-mana pegawai polis di bawah apa jua undang-undang bertulis yang lain.

Pegawai polis tidak terkecuali dari perjalanan undang-undang biasa.

(2) Tiada sesiapa pun yang telah dibebaskan oleh sesebuah mahkamah dari sebarang kesalahan boleh dibicarakan atas tuduhan yang sama di bawah Perintah ini.

(3) Sesuatu hukuman ke atas seseorang pegawai polis tidaklah terjejas disebabkan oleh orang itu tidak lagi menjadi seorang pegawai polis kerana diberhentikan atau sebab lain.

(4) Tiada sebarang gaji boleh dibayar kepada mana-mana pegawai polis berhubung dengan sebarang tempoh semasa mana ianya sedang menjalani apa jua hukum penjara.

35. (1) Jika pembelaan terhadap apa jua dakwaan yang dimulakan terhadap seseorang pegawai polis ialah bahawa tindakan yang telah diadukan itu telah dilakukan kerana menurut sesuatu waran yang dikatakan telah dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang layak, maka mahkamah hendaklah, manakala dikemukakan waran itu yang mengandungi tandatangan pihak berkuasa tersebut dan manakala dibuktikan bahawa tindakan yang telah diadukan itu telah dilakukan kerana menurut waran tersebut, memberi keputusan yang memihak kepada pegawai polis tersebut.

Tidak dipertanggungjawabkan terhadap tindakan yang dilakukan di bawah kuasa waran.

(2) Bukti terhadap tandatangan pihak berkuasa sedemikian tidaklah dikehendaki melainkan mahkamah mempunyai sebab meragui ketulenannya ; dan jika dibuktikan bahawa tandatangan itu tidak tulen, keputusan hendaklah bagaimana pun diberikan yang memihak kepada pegawai polis itu jika dibuktikan bahawa, pada ketika yang tindakan yang telah diadukan itu dilakukan, ia telah mempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa tandatangan itu tulen.

36. (1) Pesuruhjaya boleh mengundang sebuah Jawatankuasa Penyiasatan untuk menyiasat ke atas kematian atau kecederaan mana-mana pegawai polis atau ke atas kehilangan atau kerosakan kepada apa jua harta-benda yang telah diamanahkan kepada atau yang ada pada milik Pasukan tersebut dengan sahnya. Jawatankuasa Penyiasatan sedemikian hendaklah terdiri dari seorang Yang Dipertua, siapa hendaklah seorang pegawai polis kanan yang tidak rendah dari pangkat penolong penguasa, dan seorang ahli atau lebih, sebagaimana yang Pesuruhjaya mungkin mengarahkan.

Jawatankuasa Penyiasatan Jabatan.

(2) Sebuah Jawatankuasa Penyiasatan yang diundang di bawah cerai (1) untuk menyiasat ke atas kematian atau kecederaan seseorang pegawai polis hendaklah diberi kuasa untuk membuat keputusan dan sokongan-sokongan kepada Pesuruhjaya seperti berikut :

- (a) sama ada orang yang mati atau yang tercedera itu sedang menjalankan tugas pada ketika kematian atau kecederaan itu ;
- (b) sama ada kematian atau kecederaan itu telah disebabkan dengan secara langsung oleh jenis tugas yang orang yang mati atau tercedera itu telah menjalankan ;
- (c) sama ada kematian atau kecederaan itu telah disebabkan oleh keteledoran orang yang mati atau cedera itu ;
- (d) sama ada sesuatu pencen, baksis atau elaun sepatutnya dibayar menurut Peraturan-peraturan Polis atau apa jua undang-undang bertulis yang lain ;
- (e) sama ada sebarang tindakan adalah perlu untuk mencegah berlakunya kematian atau kecederaan yang serupa pada masa akan datang kepada pegawai-pegawai polis yang lain.

(3) Sesebuah Jawatankuasa Penyiasatan yang diundang di bawah cerai (1) untuk menyiasat ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan kepada apa jua harta-benda yang telah diamanahkan kepada atau yang ada pada milik Pasukan tersebut dengan sahnya hendaklah membuat keputusan dan sokongan-sokongan kepada Pesuruhjaya seperti berikut :

- (a) harga kehilangan atau kerosakan yang dianggarkan ;
- (b) tanggungjawab individu terhadap kehilangan atau kerosakan sedemikian ;
- (c) tindakan yang perlu untuk mencegah berlakunya kehilangan atau kerosakan yang serupa pada masa akan datang ;
- (d) caranya yang harga kehilangan atau kerosakan sedemikian mungkin didapati kembali atau diganti kepada yang empunya harta-benda itu yang sah.

Saman-saman
saksi.

37. (1) Jika seseorang pegawai polis yang diberi kuasa atau Yang Dipertua mana-mana Jawatankuasa Penyiasatan yang diundang di bawah bab 36 memohon kepada seseorang majistret bagi sesuatu saman untuk memastikan kehadiran di hadapan pemohon tersebut, sebagai saksi, sesiapa jua yang difikirkan tahu mengenai perihalan-perihalan perkara berkenaan, maka majistret itu boleh mengeluarkan saman berikutnya ; dan saksi itu adalah terikat untuk menjawab dengan benar semua soalan berhubung dengan perkara tersebut yang mungkin dikemukakan kepadanya oleh pemohon tersebut, dan hendaklah mengemukakan semua dokumen yang ada hubungannya dengan perkara itu.

(2) Sesiapa jua yang telah disaman sebagai saksi di bawah cerai (1) yang tidak hadir pada ketika dan tempat yang disebutkan

dalam saman itu atau manakala ditangguhkan, atau enggan menjawab sebarang soalan yang dikemukakan kepadanya dengan sah atau mengemukakan apa jua dokumen yang mana adalah dalam kekuasaannya untuk mengemukakan, adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak dua ratus ringgit dan penjara selama satu bulan.

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun yang terkandung di dalam bab ini boleh menjadikan sesiapa jua terpaksa menjawab sebarang soalan atau mengemukakan sebarang dokumen berkenaan dengan sebarang perkara yang sepatutnya akan diperlindungi dari diberitahukan atas alasan keistimewaan kalaulah perbicaraan itu telah diadakan di mana-mana mahkamah.

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PASUKAN TERSEBUT

38. Kewajipan-kewajipan Pasukan tersebut ialah untuk mengambil langkah-langkah yang sah di sisi undang-undang bagi —

Kewajipan-kewajipan.

- (a) memelihara keamanan awam ;
- (b) mencegah dan mengesan jenayah-jenayah dan kesalahan-kesalahan ;
- (c) mengumpul dan memproses risikan keselamatan ;
- (d) menangkap semua orang yang pegawai-pegawai polis diberi kuasa di segi undang-undang untuk menangkap ;
- (e) mengatur perarakan-perarakan dan perhimpunan-perhimpunan di jalan-jalan raya, tempat-tempat awam atau tempat-tempat kunjungan ramai ;
- (f) mengatur lalulintas di atas jalan-jalan raya, dan menyingkatkan rintangan-rintangan daripadanya ;
- (g) memelihara ketenteraman di tempat-tempat awam dan tempat-tempat kunjungan ramai, di perjumpaan-perjumpaan awam dan di perhimpunan-perhimpunan bagi hiburan-hiburan awam, bagi maksud mana sesiapa jua pegawai polis yang sedang bertugas boleh memasuki dengan bebas ke semua tempat dan perjumpaan dan perhimpunan sedemikian semasa terbuka kepada mana-mana orang awam ;
- (h) membantu pada melaksanakan undang-undang hasil, eksais, kesihatan, pemeliharaan alam sekitar, karantina dan imigresen.
- (i) membantu pada memelihara ketenteraman di pengkalan-pengkalan dan pelabuhan-pelabuhan kapal dan lapangan-lapangan terbang Brunei, dan pada menguatkuasakan undang-undang berhubung dengannya ;
- (j) melaksanakan saman-saman, sapina-sapina, waran-waran, surat-surat pemenjaraan dan surat-surat perintah lain yang dikeluarkan oleh mahkamah-mahkamah ;

- (k) memohon memperoleh saman-saman atau waran-waran bagi kepentingan-kepentingan keadilan dan menjalankan siasatan-siasatan permulaan dan dakwaan-dakwaan ;
- (l) memperindungi harta-benda yang tidak dituntut dan yang hilang dan mencari pemilik-pemiliknya ;
- (m) menjaga dan mengandong binatang-binatang sesat ;
- (n) membantu pada memperindungi nyawa dan harta-benda tatkala berlaku kebakaran-kebakaran ;
- (o) memperindungi harta-benda awam dari kehilangan atau kerosakan ;
- (p) menghadiri mahkamah-mahkamah jenayah dan, jika diperintahkan dengan khasnya menghadiri mahkamah-mahkamah sivil, dan menjaga ketenteraman di dalamnya ;
- (q) mengiring dan mengawal orang-orang salah ;
- (r) melaksanakan kewajipan-kewajipan lain sebagaimana yang mungkin dikenakan ke atas seseorang pegawai polis oleh apa jua undang-undang bertulis.

BAHAGIAN IV

SURUHANJAYA PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

PENUBUHAN SURUHANJAYA

Suruhanjaya
Pasukan Polis
Diraja Brunei

39. (1) Maka hendaklah diadakan sebuah Suruhanjaya Pasukan Polis Diraja Brunei (di dalam Perintah ini disebut sebagai "Suruhanjaya") yang hendaklah terdiri dari seorang Pengerusi dan empat orang lain yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan hendaklah melaksanakan tugas-tugas yang diberi dan dikenakan ke atasnya di bawah Perintah ini atau apa jua undang-undang bertulis yang lain.

(2) Tertakluk kepada ceraian (3), tiap-tiap orang yang dilantik menjadi ahli Suruhanjaya hendaklah, melainkan ia lebih awal lagi meletakkan jawatannya atau disingkirkan dari jawatannya, menyandang jawatan selama tempoh tiga tahun daripada tarikh perlantikannya dan adalah layak bagi perlantikan semula.

(3) (a) Tertakluk kepada perenggan (b), seseorang ahli Suruhanjaya boleh disingkirkan dari jawatannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(b) Seseorang ahli Suruhanjaya hanya boleh disingkirkan dari jawatannya kerana tidak berupaya melaksanakan tugas-tugas jawatannya (sama ada akibat dari kelemahan tubuh atau akal atau apa jua sebab lain) atau kerana kelakuan yang tidak sopan, dan tidak boleh disingkirkan demikian melainkan halnya telah disiasat

oleh seseorang yang menyandang atau telah menyandang jawatan kehakiman yang tinggi di mana-mana bahagian Commonwealth, yang dicalonkan bagi maksud itu oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan orang itu telah menyokong supaya ia patut disingkirkan.

- (c) Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh dari semasa ke semasa, meminda atau membatalkan aturan-aturan berhubung dengan tatacara yang akan diikuti dalam menyiasat apa jua masalah di bawah cerai ini, dan boleh membuat penyusunan-penyusunan berkenaan dengan ganjaran yang akan dibayar kepada mana-mana orang yang dilantik di bawah perenggan (b), ganjaran mana hendaklah dikenakan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memperkenankan kebenaran tidak hadir menjalankan tugasnya kepada mana-mana ahli Suruhanjaya, dan boleh melantik seseorang untuk menjadi ahli sementara selama tempoh kebenaran sedemikian.

(5) Tatacara Suruhanjaya hendaklah, tertakluk kepada apa jua peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab 44, diadakan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

40. Maka hendaklah diadakan seorang setiausaha kepada Suruhanjaya yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Setiausaha
kepada
Suruhanjaya.

41. (1) Ganjaran bagi Pengerusi dan ahli-ahli lain Suruhanjaya adalah terdiri dari gaji-gaji, elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan sebagaimana yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari semasa ke semasa memperkenankan dan wang yang dikehendaki bagi ganjaran sedemikian hendaklah dikenakan ke atas Kumpulan Wang Yang Disatukan.

Ganjaran.

(2) Gaji bagi tiap-tiap ahli Suruhanjaya hendaklah —

- (a) bermula dari tarikh perlantikannya ;
- (b) dikumpulkan dari sehari ke sehari ; dan
- (c) kena dibayar tiap-tiap bulan pada hari terakhir bagi tiap-tiap bulan, atau pada hari lain sebagaimana yang Pegawai Kewangan Negara boleh dari semasa ke semasa menentukan.

(3) Gaji-gaji, elaun-elaun, keistimewaan-keistimewaan dan syarat-syarat jawatan lain bagi ahli-ahli Suruhanjaya tidak boleh diubah sehingga merugikannya selepas perlantikannya.

Syarat terhadap gaji pendua.

42. Seseorang kepada siapa sebarang gaji kena dibayar di bawah Bahagian ini atau bagi siapa gaji sebagai penyandang mana-mana jawatan lain ada dibuat oleh mana-mana undang-undang bertulis lain adalah berhak menerima hanya satu gaji sahaja, tetapi jika ia adalah penyandang dua atau lebih jawatan berhubung dengan mana gaji kena dibayar berhubung dengan jawatan-jawatan itu, jawatannya berhubung dengan mana gaji kena dibayar kepadanya adalah berhubung dengan gaji yang paling tinggi yang kena dibayar.

TUGAS-TUGAS SURUHANJAYA, DSB.

Sokongan Suruhanjaya hendaklah diperolehi dan diambil tindakan dalam perkara-perkara tertentu.

43. Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh bab-bab 8, 9(1) dan 30 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan, kecuali dalam perkara Pesuruhjaya dan pegawai-pegawai polis kanan lain sebagaimana yang Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh menentukan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, dan melainkan peraturan-peraturan di bawah bab 44 mempersyaratkan sebaliknya, meminta nasihat dan bertindak menurut sokongan Suruhanjaya.

Peraturan-peraturan.

44. Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan syarat bagi —

- (a) perjalanan oleh Suruhanjaya mana-mana dari tugas-tugasnya ; atau
- (b) perjalanan oleh Suruhanjaya atau oleh sesiapa jua, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditetapkan, mana-mana dari kuasa-kuasa yang diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh bab 8(1), 9(1) atau 30 dan boleh mempersyaratkan selanjutnya supaya mana-mana orang sedemikian hendaklah dibebaskan dari sekatan yang dikenakan oleh Bab 43.

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN DAN PERLINDUNGAN

Perhubungan-perhubungan tertentu hendaklah diistimewakan.

45. Tiada sesiapa pun boleh dalam sebarang langkah pembicaraan di sisi undang-undang dibenarkan atau dipaksa untuk mengemukakan atau memberitahu sebarang perhubungan secara bertulis atau lisan yang telah berlaku di antara Suruhanjaya atau mana-mana dari ahli-ahlinya dan Kerajaan atau mana-mana pegawai kerajaan atau sebarang perhubungan di antara ahli-ahli Suruhanjaya pada menjalankan atau berkaitan dengan perjalanan tugas-tugasnya melainkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memperkenankan secara bertulis supaya dikemukakan atau diberitahu perhubungan itu.

Perlindungan ahli-ahli.

46. Tiap-tiap ahli Suruhanjaya adalah mempunyai perlindungan dan keistimewaan-keistimewaan sebagaimana dan yang serupa jika berlaku sebarang tindakan atau dakwaan terhadapnya kerana sebarang perbuatan yang telah dilakukan atau tidak dilakukan

olehnya manakala bertindak dalam melaksanakan jawatannya seperti yang oleh undang-undang diberikan kepada sebarang majistret yang bertindak dalam melaksanakan jawatannya.

KESALAHAN-KESALAHAN

47. Sesiapa jua yang, berkaitan dengan sesuatu permohonan oleh sesiapa jua bagi mendapatkan pekerjaan atau perlantikan dalam Pasukan tersebut atau dengan perjalanan oleh Suruhanjaya mana-mana dari tugas-tugasnya, dengan sengaja memberikan kepada Suruhanjaya atau kepada mana-mana ahlinya atau kepada mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilantik oleh Suruhanjaya untuk membantu dalam menjalankan tugas-tugasnya sebarang maklumat yang tidak benar atau mengelirukan dalam apa jua perkara mustahak adalah bersalah : Hukuman, penjara selama dua tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

Memberi maklumat yang tidak benar kepada Suruhanjaya.

48. (1) Tiada sebarang ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang lain boleh, tanpa perkenan bertulis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, menerbitkan atau memberitahu kepada mana-mana orang yang tiada kebenaran atau dengan cara selain dari dalam menjalankan tugas akan isi-isi kandungan atau sebarang bahagian dari isi-isi kandungan sebarang dokumen, perhubungan atau maklumat apa pun jua yang telah sampai kepengetahuannya dalam menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini atau apa jua undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan Suruhanjaya berkenaan dengan mana-mana dari tugas-tugas Suruhanjaya di bawah Perintah ini atau apa jua undang-undang bertulis yang lain ; dan sesiapa jua yang dengan setahunnya melakukan perbuatan yang menyalahi ceraiian ini adalah bersalah : Hukuman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

Terbitan yang tiada kebenaran dan pemberitahuan maklumat.

(2) Jika sesiapa jua yang ada pada miliknya sebarang maklumat yang pada pengetahuannya telah diberitahukan dengan menyalahi bab ini menerbit atau menghubungkan maklumat sedemikian kepada sesiapa jua selain dari bagi maksud pendakwaan di bawah Bahagian ini, maka ia adalah bersalah : Hukuman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak dua ribu ringgit.

49. Tiap-tiap orang yang, dengan cara selain dari dalam menjalankan tugasnya, dengan secara langsung atau tidak langsung dengan melakukannya sendiri atau oleh mana-mana orang lain dengan sebarang cara apa pun jua mempengaruhi atau cuba mempengaruhi apa jua keputusan Suruhanjaya atau mana-mana ahlinya adalah bersalah : Hukuman, penjara selama dua tahun dan denda, sebanyak lima ribu ringgit :

Mempengaruhi atau cuba mempengaruhi Suruhanjaya.

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun di dalam bab ini boleh melarang sesiapa jua dari memberikan surat akuan atau surat keterangan kepada mana-mana pemohon atau calon bagi keanggotaan Pasukan tersebut atau dari memberikan sebarang maklumat atau bantuan atas permintaan rasmi yang dibuat oleh Suruhanjaya.

Ahli-ahli,
pegawai-
pegawai dan
pekerja-
pekerja
Suruhanjaya
dianggap
pegawai-
pegawai
kerajaan
di bawah
Undang-
undang
Hukuman
Jenayah
(Penal Code)
Penggag 22.

50. Tiap-tiap ahli, pegawai dan pekerja Suruhanjaya adalah dianggap sebagai pegawai kerajaan dalam bidang makna Undang-undang Hukuman Jenayah (Penal Code).

Persetujuan
Pendakwa
Raya terhadap
dakwaan-
dakwaan.

51. Sesuatu dakwaan di bawah Bahagian ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan persetujuan Pendakwa Raya.

BAHAGIAN V

TABUNG POLIS

Tabung Polis.

52. (1) Maka hendaklah dibentuk satu tabung yang akan dikenali sebagai "Tabung Polis".

(2) Tabung Polis itu hendaklah terdiri dari —

- (a) semua wang telah dilucutkan hak oleh atau denda-denda yang dikenakan ke atas pegawai-pegawai polis di bawah kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perintah ini ;
- (b) sebahagian dari wang yang Pesuruhjaya mungkin memikirkan patut yang dibayar di bawah bab 69 kerana perkhidmatan-perkhidmatan khas pegawai-pegawai polis selain dari pegawai-pegawai polis tambahan ;
- (c) semua denda yang dikenakan kerana serangan ke atas pegawai-pegawai polis ;
- (d) semua suapan yang menyalahi undang-undang yang diberikan kepada pegawai-pegawai polis dan dirampas dengan perintah mahkamah ;
- (e) sebarang wang yang dibayar kepada tabung di bawah bab 53(4) ;
- (f) semua wang yang dirampas di bawah bab 357(2) dari Undang-undang Peraturan Jenayah (Criminal Procedure Code) dan diperintahkan oleh mahkamah supaya dibayar ke dalam tabung ;
- (g) derma-derma yang diberikan kepada tabung dan diterima oleh Pesuruhjaya ;
- (h) sumbangan-sumbangan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan.

(3) Tabung Polis itu hendaklah dikawal oleh Pesuruhjaya, tertakluk kepada Peraturan-peraturan Polis, dan digunakan bagi maksud-maksud —

- (a) memberi hadiah kepada merinyu-merinyu dan pegawai-pegawai polis pangkat rendah kerana perkhidmatan-perkhidmatan istimewa atau khas yang diberikan oleh mereka ;
- (b) memperolehi bagi pegawai-pegawai polis yang sedang berkhidmat, atau yang sudah bersara dengan mendapat pencen atau baksis, keselesaan-keselesaan, kemudahan-kemudahan atau faedah-faedah lain yang tidak boleh dikenakan kepada hasil kerajaan ; dan
- (c) memberi pinjaman-pinjaman kepada pegawai-pegawai polis yang sedang berkhidmat, atau yang sudah bersara dan mendapat pencen atau baksis, dengan kadar-kadar dan syarat-syarat menurut Peraturan-peraturan Polis.

(4) Pada hari yang ditetapkan semua wang yang terkandung dalam Tabung Hadiah Polis yang telah dibentuk di bawah Undang-undang yang dimansuhkan hendaklah dianggap telah dipindahkan kepada dan hendaklah menjadi sebahagian dari Tabung Polis.

BAHAGIAN VI

HARTA-BENDA DAN HARTA PESAKA YANG TIDAK DITUNTUT

53. (1) Satu senarai mengenai sebarang harta-benda yang hilang atau tidak dituntut yang disimpan di sesebuah balai polis hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya.

Penyelesaian
harta-benda
yang disimpan
di balai-balai
polis.

(2) Jika dituntut dalam tempoh tiga bulan oleh sesiapa jua yang membuktikan tuntutananya terhadap harta-benda sedemikian sehingga kepuasan Pesuruhjaya maka harta-benda itu hendaklah dikembalikan kepada orang itu atas pembayaran apa jua perbelanjaan yang telah dilakukan dengan berpatutan dan sejumlah wang sebagai hadiah kepada orang yang menjumpai harta-benda itu sebagaimana yang Pesuruhjaya mungkin menghadihkan.

(3) Jika harta-benda itu adalah sejenis yang lekas rosak ianya boleh dijual dengan serta-merta dan hasil penjualannya dihantarkan kepada Pesuruhjaya sementara menunggukan sebarang tuntutan terhadap harta-benda tersebut.

(4) Jika mana-mana harta-benda sedemikian tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan, atau jika pihak menuntut enggan membayar perbelanjaan yang telah dilakukan dengan berpatutan itu atau sejumlah wang yang dihadihkan kepada orang yang menjumpainya, maka harta-benda itu boleh dijual, dan hasil penjualan itu, selepas memotong perbelanjaan tersebut dan sejumlah wang yang telah

dihadiahkan kepada orang yang menjumpainya hendaklah, jika berjumlah lima puluh ringgit atau kurang dibayar ke dalam Tabung Polis dan, jika melebihi lima puluh ringgit, dibayar ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan selepas pembayaran wang sejumlah lima puluh ringgit ke dalam Tabung Polis.

(5) Jika, pada pendapat Pesuruhjaya, harta-benda itu tidak mempunyai nilai yang ketara atau nilainya terlalu kecil sehingga menjadikan penjualannya tidak praktik seperti yang dipersyaratkan oleh cerai (2) atau (3), maka Pesuruhjaya boleh memerintahkannya supaya dimusnahkan atau melakukan apa sahaja dengan cara lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

Harta pesaka
yang tidak
dituntut.

54. (1) Bilamana saja mana-mana orang meninggal dunia dengan meninggalkan di Brunei harta-benda yang boleh digerak yang mana oleh sebab ketiadaan sesiapa jua yang berhak terhadapnya atau ketiadaan sebarang tuntutan terhadap harta-benda itu bagi maksud pentadbiran, adalah dijaga oleh seseorang pegawai polis bagi maksud maksud penjagaan yang selamat, maka Pesuruhjaya hendaklah dengan segera memberitahu Pegawai Waris bahawa harta-benda itu adalah di dalam jagaannya ; dan sementara menunggu arahan-arahan dari Pegawai Waris, Pesuruhjaya hendaklah menyimpan harta-benda itu dalam jagaan yang selamat.

(2) Berkenaan dengan harta-benda sejenis yang mudah rosak atau berkemungkinan akan berkurangan nilainya, Pesuruhjaya boleh memerintahkannya supaya dijual ; dan hasil penjualan sedemikian hendaklah diserahkan kepada Pegawai Waris.

BAHAGIAN VII

AM

KESALAHAN-KESALAHAN

Tinggal tugas.

55. Mana-mana pegawai polis yang, tanpa sebab yang munasabah, beban membuktikannya adalah terletak padanya, tidak hadir bertugas selama tempoh dua puluh satu hari yang berterusan atau kerana perihai-perihai yang menunjukkan bahawa ia tidak mempunyai tujuhan akan kembali bertugas hendaklah dianggap telah meninggalkan tugas, dan adalah bersalah : Hukuman, penjara selama dua belas bulan.

Derhaka.

56. Mana-mana pegawai polis yang menyebabkan, menghasut, atau menyertai sebarang penderhakaan atau perasaan tidak puas hati dalam Pasukan tersebut atau berkomplot dengan mana-mana orang lain supaya menyebabkan penderhakaan atau perasaan tidak puas hati sedemikian, atau tidak membuat ikhtiar dengan sedaya-upayanya untuk menindas sebarang penderhakaan atau perasaan tidak puas hati atau penderhakaan atau perasaan tidak puas hati yang dicadangkan, tidak, dengan tidak berlengah-lengah lagi, memberikan maklumat mengenainya kepada pegawai polis kepada siapa ia menjadi orang bawahannya, adalah bersalah : Hukuman, penjara selama lima belas tahun.

57. (1) Sesiapa jua yang menyebabkan atau cuba menyebabkan atau melakukan sebarang perbuatan yang dirancang akan menyebabkan perasaan tidak puas hati di kalangan anggota-anggota Pasukan tersebut atau pegawai-pegawai polis tambahan atau menunjuk mana-mana anggota tersebut atau mana-mana pegawai polis tambahan supaya enggan memberikan perkhidmatan-perkhidmatannya atau supaya melakukan pelanggaran tatatertib adalah bersalah : Hukuman, penjara selama dua tahun dan denda sebanyak lima ribu ringgit.

Hukuman bagi menyebabkan perasaan tidak puas hati.

(2) Mana-mana pegawai polis kanan boleh, tanpa waran, menangkap sesiapa jua yang melanggar atau yang dengan berpatutan disyaki telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah bab ini.

58. Sesiapa jua, bukan seorang pegawai polis, yang —

- (a) didapati memiliki apa jua barang yang telah dibekalkan kepada mana-mana pegawai polis bagi melaksanakan tugasnya, atau apa jua pingat atau bintang kehormatan yang telah dianugerahkan kepada mana-mana pegawai polis kerana keberanian, jasa atau berkelakuan baik, dan yang gagal menerangkan dengan memuaskan terhadap pemilikannya, atau yang, tanpa kebenaran yang sah, membeli atau menerima barang, pingat atau bintang kehormatan sedemikian atau yang membantu atau mensubahati mana-mana pegawai polis dalam menjual atau melakukan apa saja kepada barang, pingat atau bintang kehormatan sedemikian ;
- (b) tanpa kebenaran yang sah, membuat, menjual atau membekalkan, atau menawarkan untuk dijual atau dibekalkan, tiruan yang boleh dikatakan tepat bagi apa jua lencana atau alat yang digunakan untuk menunjukkan bahawa seseorang itu adalah pegawai polis, atau tiruan yang boleh dikatakan tepat bagi apa jua lencana atau alat yang digunakan untuk menunjukkan pangkat seseorang pegawai polis, atau tiruan yang boleh dikatakan tepat bagi apa jua pingat atau bintang kehormatan yang telah dianugerahkan kepada mana-mana pegawai polis kerana keberanian, jasa atau berkelakuan baik atau yang membantu atau mensubahati sesiapa jua dalam membuat, menjual atau membekalkan tiruan yang boleh dikatakan tepat itu ; atau
- (c) tanpa kebenaran Suruhanjaya memakai, menggunakan atau memperlihatkan dengan menyalahi undang-undang dengan cara selain dari semasa sesuatu pertunjukan pentas atau lakonan sandiwara, apa jua pakaian seragam Pasukan tersebut atau apa jua lencana atau alat untuk menunjukkan bahawa ia adalah seorang pegawai polis, atau apa jua pakaian yang rupanya kelihatan seperti atau mempunyai tanda-tanda istimewa pakaian seragam tersebut,

Pemilikan yang menyalahi undang-undang, dsb. barang-barang polis dan penggunaan pakaian seragam polis dengan tiada kebenaran.

adalah bersalah di bawah Perintah ini.

Berkelakuan kacau-bilau di balai polis. 59. Sesiapa jua yang, di sesebuah balai polis, berkelakuan secara yang menggemparkan, biadap, kacau-bilau atau mengaibkan adalah bersalah di bawah Perintah ini.

Pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran kerana kesalahan-kesalahan di bawah bab-bab 55, 58 dan 59. 60. Mana-mana pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap sesiapa jua yang melanggar atau yang disyakki dengan berpatutan telah melakukan sebarang kesalahan di bawah bab-bab 55, 58 dan 59.

Kesalahan untuk membuat kenyataan yang tidak benar manakala memohon mendapatkan pekerjaan. 61. Sesiapa jua yang, manakala memohon mendapatkan pekerjaan sebagai pegawai polis, membuat atau berkaitan dengan permohonan sedemikian apa jua kenyataan yang ia tahu atau mempercayai sebagai tidak benar atau tidak mempercayai sebagai benar, adalah bersalah di bawah Perintah ini.

Pegawai polis tidak boleh menjadi ahli kesatuan sekerja, dsb. 62. (1) Tiada sebarang pegawai polis boleh menjadi ahli —
(a) mana-mana kesatuan sekerja atau mana-mana badan atau persekutuan yang bergabung dengan sesebuah kesatuan sekerja ;
(b) mana-mana parti politik ; atau
(c) mana-mana badan atau persekutuan yang mempunyai tujuan-tujuan politik.

(2) Mana-mana pegawai polis yang melanggar ceraiian (1) adalah bersalah di bawah Perintah ini.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini sebarang soal sama ada mana-mana badan atau persekutuan adalah sebuah kesatuan sekerja atau parti politik atau apa jua badan atau persekutuan lain terhadap mana ceraiian (1) adalah dikenakan hendaklah diputuskan oleh Pesuruhjaya ; dan keputusan oleh Pesuruhjaya mengenai soal sedemikian adalah muktamad dan tidaklah tertakluk kepada rayuan kepada atau kajian semula dalam mana-mana mahkamah.

Hukuman am. 63. Sesiapa jua yang bersalah di bawah Perintah ini terhadap mana tiada sebarang hukuman lain ada dipersyaratkan dengan nyata boleh dikenakan jika didapati sabit kesalahannya hukum denda sebanyak seribu ringgit dan penjara selama enam bulan.

PERATURAN-PERATURAN DAN PERINTAH-PERINTAH

Peraturan-peraturan polis. 64. (1) Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat dari Perintah ini yang akan digelar "Peraturan-peraturan Polis" sebagaimana yang

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mungkin memikirkan mustahak.

(2) Khususnya dan dengan tidak menyentuh keluasan makna ceraiian sebelum ini, Sultan dalam Majlis Mesyuarat boleh membuat Peraturan-peraturan Polis berhubung dengan semua atau mana-mana dari perkara-perkara yang berikut —

- (a) penyusunan dan pembahagian Pasukan tersebut ;
- (b) kelayakan-kelayakan, perlantikan-perlantikan, kenaikan-kenaikan pangkat, gaji dan elaun-elaun, perletakan-perletakan jawatan, pemberhentian-pemberhentian kerja, pembuangan-pembuangan kerja, penurunan-penurunan pangkat, pengembalian-pengembalian pangkat dan syarat-syarat perkhidmatan ;
- (c) pencen-pencen, elaun-elaun bersara dan baksis-baksis bagi pegawai-pegawai polis pangkat rendah dan tanggungan-tanggungan mereka, dan semua perkara yang berkaitan dengannya ;
- (d) tatatertib, tatacara tatatertib dan hukuman-hukuman ;
- (e) kebenaran tidak hadir bekerja ;
- (f) pakaian-pakaian seragam, senjata-senjata dan peralatan yang akan dibekalkan ;
- (g) pentadbiran Tabung Polis ;
- (h) bayaran-bayaran yang akan dikenakan kepada orang-orang awam bagi salinan laporan-laporan, peta-peta dan gambar-gambar foto yang dibuat oleh pegawai-pegawai polis ;
- (i) semua perkara yang, di bawah syarat-syarat Perintah ini, mungkin diperuntukkan atau ditentukan oleh Peraturan-peraturan Polis ;
- (j) perkara-perkara lain yang mungkin perlu dan mustahak bagi mencegah penyalahgunaan atau kecuaiian tugas, dan bagi menjadikan Pasukan tersebut cekap dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, dan bagi melaksanakan syarat-syarat dari Perintah ini.

(3) Peraturan-peraturan sedemikian boleh, jika dipersyaratkan demikian di dalamnya, dikenakan kepada dan terikat ke atas semua pegawai kerajaan yang diambil berkhidmat berkaitan dengan Pasukan tersebut, dengan tidak menghiraukan bahawa mereka bukan pegawai-pegawai polis, dengan cara yang sama seolah-olah mereka ialah pegawai-pegawai polis.

(4) Tiap-tiap peraturan yang dibuat di bawah bab ini hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Perintah-
perintah Am
Polis.

65. Pesuruhjaya boleh dari semasa ke semasa membuat perintah-perintah yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat dari Perintah ini dan dari Peraturan-peraturan Polis yang akan digelar "Perintah-perintah Am Polis" yang ia mungkin memikirkan mustahak dan dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang diberikan sebelum ini perintah-perintah itu boleh mengadakan syarat bagi —

- (a) tatatertib dan peraturan serta perlaksanaan hukuman ;
- (b) penjenisan-penjenisan dan kenaikan-kenaikan pangkat ;
- (c) pengajaran-pengajaran dan pengujian-pengujian ;
- (d) pemeriksaan-pemeriksaan, kawad, riadhah (senaman) dan perbarisan-perbarisan ;
- (e) tiap-tiap jenis perkhidmatan dan kewajipan polis dan caranya perkhidmatan dan kewajipan itu hendak dilaksanakan ;
- (f) penubuhan dan pemeliharaan mess-mess polis, kantin-kantin, bilik-bilik bacaan dan pertubuhan-pertubuhan sukan ;
- (g) perbelanjaan jabatan ;
- (h) bangunan-bangunan, padang-padang, bekalan barang-barang simpanan, perabot dan perlengkapan ;
- (i) penjagaan, pengawalan dan penggunaan senjata dan peluru ;
- (j) penukaran-penukaran pegawai polis, tempat-tempatnya di mana mereka hendak tinggal dan perkhidmatan-perkhidmatan khas yang akan dilaksanakan oleh mereka ;
- (k) pengumpulan dan penyampaian risikan dan maklumat ;
- (l) cara dan bentuk laporan-laporan, surat-surat dan rekod-rekod lain ;
- (m) perlaksanaan apa jua tindakan yang mungkin perlu bagi menjalankan dengan betul akan syarat-syarat Perintah ini atau sebarang Undang-undang lain atau apa jua peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya atau bagi menunaikan dengan cekap akan sebarang kewajipan yang dikenakan oleh apa jua undang-undang bertulis ke atas Pasukan tersebut atau mana-mana anggotanya ;
- (n) perkara-perkara lain yang mungkin perlu dan mustahak bagi mencegah penyalahgunaan atau kecuaiannya kewajipan, bagi menjadikan Pasukan tersebut cekap dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, dan bagi melaksanakan syarat-syarat dari Perintah ini.

Perintah-
perintah Ibu
Pejabat Polis.

66. Pesuruhjaya boleh mengeluarkan perintah-perintah sejenis yang lazim dilakukan yang akan digelar "Perintah-perintah Ibu Pejabat

Polis'' yang tidak bertentangan dengan syarat-syarat dari Perintah ini, Peraturan-peraturan Polis atau Perintah-perintah Am Polis bagi kawalan, arahan dan makluman Pasukan tersebut.

67. Tidakkah menjadi perlu untuk menyiarkan apa jua perintah-perintah Am Polis atau Perintah-perintah Ibu Pejabat Polis dalam *Warta Kerajaan*.

Perintah-perintah tidak perlu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

RAMPAIAN

68. Kecuali sebaliknya ada dipersyaratkan dalam Perintah ini atau dalam apa jua peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang dibuat di bawahnya, tiap-tiap pegawai polis adalah, melainkan dengan nyata atau diertikan tidak dimasukkan, tertakluk kepada syarat-syarat yang sama dari undang-undang bertulis dan perintah-perintah pentadbiran Kerajaan, arahan-arahan dan surat-surat keliling sebagaimana yang boleh dikenakan kepada semua pegawai kerajaan yang lain yang sepadan tarafnya dalam perkhidmatan Kerajaan.

Pegawai-pegawai polis tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

69. (1) Pesuruhjaya atau mana-mana pegawai polis kanan yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Peraturan-peraturan Polis boleh atas pertimbangan mutlaknyanya membenarkan sesuatu permohonan yang dibuat oleh sesiapa jua untuk mempergunakan pegawai-pegawai polis bagi maksud menjaga dirinya atau mana-mana orang lain atau sebarang harta-benda, atau kerana apa jua sebab lain yang boleh diterima oleh Pesuruhjaya atau pegawai polis kanan tersebut.

Mempergunakan pegawai-pegawai polis bagi maksud-maksud khas.

(2) Jika permohonan sedemikian dibenarkan maka —

- (a) pemohonnya hendaklah membayar terhadap perkhidmatan sedemikian dengan kadar bayaran yang mungkin ditetapkan oleh Peraturan-peraturan Polis ; dan
- (b) Pesuruhjaya atau pegawai polis kanan yang diberi kuasa seperti disebutkan sebelum ini hendaklah menentukan tentang bilangan pegawai-pegawai polis yang akan diuntukkan bagi digunakan oleh pemohon kerana perkhidmatan sedemikian, dan boleh menentukan syarat-syaratnya bagi perkhidmatan sedemikian, yang mana adalah terikat ke atas pemohon itu.

(3) Kerajaan tidakkah bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan kepada harta-benda, sama ada dipunyai oleh pemohon itu atau oleh mana-mana orang lain, berikutan dengan penggunaan pegawai-pegawai polis menurut bab ini.

SYARAT-SYARAT PEMANSUHAN, PENGECUALIAN DAN PERALIHAN

70. Undang-undang Pasukan Polis (di dalam Perintah ini disebut sebagai ''Undang-undang yang dimansuhkan'') adalah dengan ini dimansuhkan :

Pemansuhan dan pengecualian. Penggal 50.

Dengan syarat bahawa —

- (a) apa jua peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang telah dibuat di bawah Undang-undang yang dimansuhkan, setakat yang peraturan-peraturan atau perintah-perintah itu tidak bertentangan dengan syarat-syarat Perintah ini, adalah masih berkuatkuasa dan terus mempunyai kuatkuasa sehingga digantikan atau dibatalkan oleh peraturan-peraturan atau perintah-perintah yang dibuat di bawah Perintah ini ; dan
- (b) sebutan-sebutan di dalam peraturan-peraturan atau perintah-perintah sedemikian mengenai pegawai-pegawai yang diwartakan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan mengenai pegawai polis kanan dan sebutan-sebutan mengenai anggota-anggota berpangkat rendah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan-sebutan mengenai pegawai-pegawai polis pangkat rendah.

Orang-orang yang dianggap menjadi anggota-Pasukan tersebut.

71. Pada hari yang ditetapkan tiap-tiap orang yang sebaik-baik sahaja sebelum hari itu telah berkhidmat di dalam Pasukan Polis Diraja Brunei yang telah ditubuhkan atau dianggap telah ditubuhkan di bawah Undang-undang yang dimansuhkan hendaklah dianggap telah ditukarkan kepada dan menjadi, dengan pangkat, gred dan keutamaan yang sama sebaik-baik sahaja sebelum penukaran sedemikian, anggota Pasukan tersebut seolah-olah ia telah diambil berkhidmat atau dilantik di bawah Perintah ini dan hendaklah mula melakukan tugas-tugasnya sebaik-baik sahaja berlaku penukaran sedemikian, dan syarat-syarat dari Perintah ini hendaklah diperluaskan kepada tiap-tiap orang selaras dengannya, dan perkhidmatan di bawah Undang-undang yang dimansuhkan hendaklah, bagi segala maksud, dianggap sebagai perkhidmatan di bawah Perintah ini.

Kad-kad waran manakala berlaku penukaran.

72. Sesuatu kad waran yang dikeluarkan di bawah Undang-undang yang dimansuhkan kepada sesiapa jua yang dianggap telah ditukarkan di bawah bab 71 hendaklah dianggap sebagai kad waran yang sah yang telah dikeluarkan di bawah Perintah ini.

JADUAL
IKRAR JAWATAN

Saya, dengan
sesungguhnya, tulus ikhlas dan benar berikrar bahawa saya akan
dengan memuaskan dan taat setia berkhidmat kepada Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
dalam jawatan pegawai polis Pasukan Polis Diraja Brunei (dan akan
mematuhi, mempertahankan dan memelihara undang-undang
Brunei, dan bahawa saya akan melaksanakan kuasa-kuasa dan
kewajipan-kewajipan jawatan saya dengan jujur lagi tekun).

Ikrar dibuat di pada haribulan
..... 19

.....
Tandatangan.

Di hadapan saya,

.....
Diperbuat pada hari ini 31 haribulan Disember, 1983 di Istana
Darul Hana Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN